

88- Kadang-kadang dua perkara atau benda disebutkan dahulu, kemudian datang dhamir yang kembali kepada salah satu daripadanya sahaja atas dasar iktifā' (berpada dengan menyebutkan salah satu daripadanya sahaja), sedangkan kedua-duanya memang dimaksudkan.

قَدْ يُذَكَّرُ شَيْئَانِ وَيَعُودُ الضَّمِيرُ عَلَى أَحَدِهِمَا اكْتِفَاءً بِذِكْرِهِ عَنِ الْآخَرِ
مَعَ كَوْنِ الْجَمِيعِ مَقْصُودًا.

قاعدة ٨٨

✱

Keterangan:

Qaedah ke-88 ini tepat untuk bentuk ke-4 sahaja bagi kembalinya dhamir kepada dua perkara atau benda yang telah disebutkan sebelumnya. Tiga bentuk lagi adalah seperti berikut:

Bentuk pertama:

Bentuk pertamanya berlaku apabila dhamir tatsniah datang selepas disebutkan dua perkara atau benda sebagai marji' sebelumnya. Bentuk pertama ini adalah bersesuaian dengan qaedah asal kembali dhamir kepada apa yang tersebut sebelumnya sebagai marji'. Antara contohnya ialah firman Allah ini:

أَوَلَمْ يَرِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا ۖ وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: Dan tidakkah orang-orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman? (al-Anbiyā':30).

Bentuk kedua:

Dhamir kembali kepada yang pertama sahaja daripada dua perkara atau benda yang tersebut sebelumnya, kerana itulah ia dikemukakan dalam bentuk mufrad yang sesuai dengan perkataan pertama sahaja daripada dua perkara atau benda yang tersebut sebelumnya sebagai marji' itu. Antara contohnya di dalam al-Qur'an ialah firman Allah ini:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ التِّجَارَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

Bermaksud: Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (di atas mimbar - berkhotbah). Katakanlah (wahai Muhammad: “Pahala / balasan yang ada di sisi Allah, lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu; dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki. (al-Jumu`ah:11).

Dhamir pada perkataan إليها kembali kepada perkataan pertama yang tersebut sebelumnya sahaja, iaitu تجارة . Ia tidak kembali kepada perkataan لهوا juga, kerana itulah tidak dikatakan إليهما.

Bentuk ketiga:

Dhamir kembali kepada perkataan kedua sahaja daripada perkara atau benda yang tersebut sebelumnya, kerana itulah ia dikemukakan dalam bentuk mufrad yang hanya sesuai dengan perkataan kedua sahaja daripada dua perkara atau benda yang tersebut sebelumnya sebagai marji`nya. Antara contohnya di dalam al-Qur`an ialah firman Allah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ramai daripada pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (at-Taubah:34).

Dhamir pada perkataan يُنْفِقُونَهَا hanya kembali kepada perkataan الفضة yang tersebut sebelumnya, kerana itu ia dibawakan dalam bentuk mufrad mu`annats, dan tidak dikatakan لَا يَنْفِقُونَهَا. Sebabnya menurut sesetengah `ulama` ialah kerana perak lebih banyak ada pada orang ramai, atau ia lebih diperlukan, atau ia terdekat daripada dua yang tersebut sebelum dhamir.

Sesetengah `ulama` pula berpendapat, ia memang kembali kepada kedua-dua perkataan الذهب dan الفضة yang tersebut sebelumnya, cuma dikembalikan kepada salah satu daripadanya atas dasar iktifa`

iaitu berpada dengan menyebutkan salah satu daripadanya sahaja, sedangkan kedua-duanya memang dimaksudkan.

Kalau begitu contoh ini juga termasuk dalam bentuk keempat yang memang tepat dengan qaedah ke-88 ini.

Sebenarnya perbezaan di antara bentuk kedua dan keempat terletak pada tertentunya dhamir kembali kepada perkataan kedua sahaja daripada perkara atau benda yang tersebut sebelumnya atau pun tidak, bentuk kedua menentukannya, sementara bentuk keempat pula tidak menentukannya.

Bentuk keempat:

Bentuk keempat ini sahaja sebenarnya yang berkaitan dengan qaedah ke-88 yang sedang kita bicarakan sekarang. Hakikatnya ialah kedua-dua perkara atau benda yang tersebut sebelum dhamir memanglah merupakan marji`nya, cuma dhamir dibawakan dalam bentuk mufrad sahaja atas dasar iktifā', iaitu berpada dengan menyebutkan dhamir bagi salah satu daripada marji`nya.

Antara contohnya ialah beberapa firman Allah di bawah ini:

(1)

يَخْلِفُونَ بِاللّٰهِ لَكُمْ لِيَرْضَوْكُمْ وَاللّٰهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضَوْهُ إِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredhaanmu, padahal Allah dan RasulNya jualah yang lebih berhak mereka mendapat keredhaanNya, jika betul mereka orang-orang yang beriman. (at-Taubah:62).

(2)

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أَكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٣١﴾

Bermaksud: Dan Dia-lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan

keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau. (al-An`ām:141).

(3)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Bermaksud: Dia-lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan (adanya faedah dan gunanya yang) sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya). (Yunus:5).

Membawa dhamir yang sesuai dengan marji`nya daripada segi bilangan dan jantinya, itulah yang menepati kedudukan dan kehendak asalnya. Apabila dhamir dibawa dalam keadaan tidak bersesuaian dengan marji`nya, maka tentulah ada sebab dan alasannya yang tersembunyi sehingga bentuk asalnya ditinggalkan.